

Aktiviti makmal (Julai – Disember 2011)

Oleh: Fritzgerald Anak Andrew & Muhin Haji

Sepanjang bulan Julai hingga ke bulan Disember 2011, pelbagai aktiviti makmal telah dijalankan oleh Bahagian Sektor Pengurusan dan Perkhidmatan Sains bagi membantu SSMP mencapai misi, visi dan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Malaysia Sabah. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti kerjasama pihak sektor pengurusan dan perkhidmatan sains SSMP bersama pihak dari National Institute Of Occupational Safety and Health (NIOSH) di mana pihak NIOSH djemput datang membuat lawatan ke SSMP. Antara maklum balas yang diperolehi hasil daripada lawatan tersebut adalah:

- Perkongsian pendapat dan cadangan oleh pihak NIOSH kepada SSMP tentang penambahbaikan yang boleh dilakukan di makmal-makmal SSMP terutamanya dari aspek keselamatan di tempat kerja.
- Kakitangan SSMP turut mendapat pendedahan tentang Occupational Safety and Health Act (OSHA) dan juga Factories and Machines Act (FMA)

Pihak Pengurusan dan Perkhidmatan Sains SSMP turut mengadakan kursus pengurusan sisa makmal. Kursus yang dikendalikan selama 2 hari ini bertujuan memastikan kakitangan makmal SSMP membuat pengurusan sisa kimia ataupun sisa biologi dari makmal dengan cara yang efisien dan selamat bagi memastikan keselamatan makmal adalah di tahap yang optimum.

Sektor pengurusan dan perkhidmatan sains turut menjalankan Kursus Kumpulan Inovatif dan Kreatif bertujuan memberi peluang kakitangan bukan akademik yang terdiri daripada penolong pegawai sains dan pembantu makmal untuk mempelajari kaedah-kaedah penyelesaian masalah dengan cara yang inovatif dan kreatif. Kursus ini turut meningkatkan semangat kerjasama di antara penolong pegawai sains dan pembantu makmal.

Keselamatan di tempat kerja merupakan perkara yang amat dititikberatkan sektor pengurusan dan perkhidmatan sains. Dengan itu, aktiviti seperti aktiviti latihan kebakaran iaitu fire drill di bangunan SSMP



yang dikendalikan pihak bomba bersama sektor pengurusan dan pengurusan sains SSMP. Tujuan utama latihan seperti ini adalah untuk melatih kakitangan SSMP supaya sentiasa peka dan bersedia jika sekiranya berlaku sebarang kecemasan di bangunan SSMP.